

## KPDNHEP giat memeriksa pelbagai premis perniagaan

2020-04-06T10:30:01+08:00



**PANTAU:** Seorang pegawai penguat kuasa KPDNHEP memeriksa barang keperluan di sebuah premis perniagaan borong.

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang giat melaksanakan pemeriksaan harian di pelbagai premis perniagaan bagi memastikan barang keperluan yang dikawal sentiasa berada di pasaran.

Menurut kenyataannya semalam, ia dilaksanakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyasarkan pasar raya besar, pemborong utama, pasar mini, kedai runcit dan kategori-kategori lain premis perniagaan di sini.

Rutin pemeriksaan harian ini bagi memastikan barangan kawalan keperluan utama seperti gula, minyak masak dan tepung gandum sentiasa berada di pasaran dalam tempoh pelaksanaan PKP ini," kata KPDNHEP dalam kenyataannya itu.

Pada 2 April lepas sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Sarawak telah membuat pemeriksaan ke premis perniagaan di sekitar Jalan Kuching-Serian dan sekitar kawasan Siburan.

Hasil pemeriksaan mendapati sebuah premis peniaga borong yang menjual barangan kawalan utama seperti gula, minyak masak dan tepung gandum tidak menyelenggara buku stok.

Sekali gus, pemilik perniagaan telah disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan 13 (1) Perintah Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961.

Bagi menjalankan siasatan lanjut, KPDNHEP telah menyita lesen borong, salinan invois dan salinan rekod jualan bagi gula, minyak masak dan tepung gandum di premis berkaitan.

"Di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda sehingga RM1,000,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Syarikat atau pertubuhan perbadanan boleh didenda sehingga tidak melebihi RM3,000,000," tambahnya.

Menurut rekod statistik bermula 1 Januari sehingga 4 April, KPDNHEP telah menjalankan pemeriksaan terhadap 12,754 premis perniagaan meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Pihaknya mendapati sebanyak 387 kes direkodkan dengan nilai rampasan sebanyak RM2,409,179.71 dan jumlah kompaun yang dikeluarkan sebanyak RM71,150.00.

Bagi kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 direkodkan sebanyak 43 kes, dengan nilai rampasan sebanyak RM2,335,097.34 dan jumlah kompaun sebanyak RM16,000.

Justeru, pihak KPDNHEP menyeru dan menasihati peniaga agar tidak mengambil kesempatan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP untuk tidak menyelenggara buku stok mereka bagi membolehkan pihak kementerian memantau penjualan barangan kawalan kepada pengguna.

Peniaga turut dinasihati untuk tidak menaikkan harga barang kawalan sesuka hati dan tidak menyorok atau enggan menjual barang kawalan kepada pengguna.

"Jika didapati ada peniaga yang ingkar, tindakan tegas akan diambil," ujarnya.

Sebarang aduan pengguna boleh disalurkan melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau portal e-aduan kpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau di talian WhatsApp 019-2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat kementerian yang berhampiran untuk tindakan.

Sepanjang tempoh PKP, bilik gerakan KPDNHEP Sarawak dibuka dari jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari dan boleh dihubungi untuk menyalurkan aduan PPDNHEP Kuching (082-466052), PPDNHEP Sri Aman (083-323836), PPDNHEP Sarikei (084-657751), PPDNHEP Sibu (084-329202), PPDNHEP Kapit (084-799678), PPDNHEP Bintulu (086-332176), PPDNHEP Miri (085-412862), PPDNHEP Limbang (085-217414), PPDNHEP Mukah (084-872726) dan PPDNHEP Lawas (085-283650).

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/06/kpdnhep-giat-memeriksa-pelbagai-premis-perniagaan>